

# IORA'



جامعة  
الهندسة والتكنولوجيا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

أقل

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

LIVE




**Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam**  
PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



**Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying**  
PTAR Cawangan Johor - muka 15

**Program PTDI bersama Pelukis:  
Art As Therapy**  
PTAR Cawangan Johor - muka 16

LIVE



**Bengkel Systematic Literature Review:  
Komunikasi Dalam Matematik**  
PTAR Cawangan Kelantan - muka 22

**100 Days of Reading Challenges  
Sempena Program UiTM Penang Baca**  
PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



**Promosi@PTAR**



Untuk menonton  
semula:




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen Bicara Pakar dengan tajuk Institusi Beraja: Pemacu Pemerkasaan Parlimen. Seperti biasa, program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Yunus Abu Samah, fejo di KIRRM selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam.

Pada sesi kali ini, dimulakan dengan perkongsian oleh panel jemputan mengenai pengenalan kepada institusi beraja sebagai pemacu pemerkasaan parliment. Institusi Beraja merupakan satu sistem di mana raja memiliki kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik. Institusi Beraja juga merujuk kepada institusi Yang Di-Pertuan Agong, Institusi Beraja di peringkat negeri dan Majlis Raja-Raja di peringkat persekutuan.

Dalam konteks ini, Prof. Shamrahayu juga menerangkan tentang perkara 32, Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara, yang secara undang-undangnya menganggotai tiga badan kerajaan, iaitu badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari). Seterusnya, dalam Perkara 44 meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai satu daripada tiga unsur Parliment dan dalam perkara 55, Baginda mempunyai kuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parliment serta meletakkan cop mohor kepada Rang undang-undang yang telah diluluskan dan mendapat perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Badan Perundangan dalam proses penggubalan undang-undang dalam perkara 66.

Akhir kata, Prof. Shamrahayu mengharapkan agar rakyat sentiasa mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan supaya seluruh rakyat di negara ini terjamin keselamatan dan memiliki kehidupan yang aman dan sejahtera. Diharapkan agar perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya para penonton dan warga UiTM.